

26 SEP 2003

Hadi-Warta

ENAKMEN JENAYAH SYARIAH T'GGANU DIWARTAKAN BULAN DEPAN

MARANG, 26 Sept (Bernama) -- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu akan diwartakan bulan depan dan dikuatkuasakan serta-merta, kata Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Beliau berkata enakmen yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri tahun lepas, telah mendapat perkenan Sultan Terengganu dan akan diwartakan pada bulan Oktober, sebelum Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad bersara.

"Sekarang ini dalam proses untuk diwartakan, Insyallah dalam bulan Oktober, sebelum Perdana Menteri letak jawatan, Insyaallah.

"Dewan dah lulus, Tuanku (Sultan Mizan) dah sain, ertinya, sekarang ini tinggal wartakan, setelah diwartakan, ia akan dikuatkuasakan bila-bila masa," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 8 Julai tahun lepas.

Enakmen itu menyenaraikan enam kesalahan sebagai kesalahan hudud iaitu Syrub (meminum arak atau minuman yang memabukkan), qazaf (membuat tuduhan seseorang itu melakukan zina tetapi tidak dapat dibuktikan), zina (melakukan persetubuhan haram), sariqah (mencuri), hirabah (merompak), dan irtidad atau riddah (keluar dari agama Islam).

Hadi berkata dalam melaksanakan enakmen itu, tiga pihak iaitu Mahkamah, pendakwa dan penguatkuasa merupakan elemen utama yang akan memastikan ia dapat dikuatkuasakan.

Menurutnya bagi mahkamah, kerajaan negeri sedang menyusun, termasuk membuat pelantikan baru selain memberi pendedahan dan latihan, termasuk di luar negara, terhadap pelaksanaannya.

Menurutnya Hakim Mahkamah Tinggi pula akan diambil daripada mereka yang berpengalaman sebelum mendapat perkenan Sultan Terengganu.

Hadi berkata bagi aspek penguatkuasaan, polis akan menjalankan tugas menyoal siasat dan membantu operasi bersama-sama Jawatankuasa Syura Rakyat (JSR), tetapi soal menentukan kesalahan sama ada hudud, qisas atau takzir, ia akan diputuskan oleh Mahkamah Syariah.

"Kerajaan negeri juga bersedia untuk memberi penerangan kepada polis jika pihak terbabit merasakan ianya perlu," katanya.

-- BERNAMA

HIS LAT